

## Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Yang Ke-44 Tahun Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran di Surau Ad-Difa, Bolkiah Garison sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-44 Tahun di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAB).

### HOSPITAL PENGIRAN MUDA MAHKOTA PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg, Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**TUTONG**, Jumaat, 16 Februari. - Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAB) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ke-44 Tahun di Surau As-salam, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Sembahyang berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat dan bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Ketua Guru Agama di hospital berkenaan, Pengiran Haji Radiman bin Pengiran Haji Tengah.

Sementara Doa Kesyukuran dipimpin oleh Ketua Guru Agama, Jabatan Kesihatan Tutong, Awang Haji Abd. Yazid bin Haji Rosli Aziz.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan serta pegawai dan kakitangan hospital berkenaan.

### KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul'izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 16 Februari. - Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran di Surau Ad-Difa, Bolkiah Garison sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB Ke-44 Tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan

Aminan bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Kapten (Bersara) Dato Paduka Abd. Rahman bin Bgawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, TLDB; Pemerintah-Pemerintah Tentera; Timbalan Setiausaha Tetap (Teknologi dan Pembangunan); Pengarah-Pengarah; Komandan-Komandan, Pegawai-Pegawai Kanan serta Pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Ma'idah oleh Koperal Pengiran Habib Hazwan bin Pengiran Salleh, diikuti dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Hajat dan disclajurkan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Doa Khusus dan diteruskan dengan Sembahyang Isyak yang diketuai oleh Imam Shuib bin Haji Abdullah.

### UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM, UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman (tengah) selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran bersempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah Ke-44 Tahun yang dikendalikan oleh UBD, UNISSA dan UTB.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Azmah Haji Ahmad

**TUNGKU LINK**, Jumaat, 16 Februari. - Majlis Doa Kesyukuran bersempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) Ke-44 Tahun diadakan di Masjid UBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti

Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, pegawai-pegawai kanan, pensyarah-pensyarah, kakitangan dan mahasiswa serta mahasiswi universiti-universiti tersebut.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Jufri bin Haji Hdup.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Surah Al-Waqiah dan Doa Kesyukuran, diikuti dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis Doa Kesyukuran itu dikendalikan oleh UBD, UNISSA dan UTB.